



# Polisi Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar

INSTITUT JANTUNG NEGARA bertanggungjawab dan komited menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat kepada kakitangan, pelanggan, kontraktor, pembekal serta orang awam. Kami akan mengambil langkah-langkah rasional di institusi ini untuk mencegah sebarang kecederaan dan penyakit selaras dengan Akta dan Peraturan Keselamatan dan Kesihatan.

## Adalah menjadi polisi kami untuk:

- Memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat pada setiap masa.
- Perlaksanaan budaya kerja yang selamat dan sihat serta menyediakan latihan yang secukupnya kepada kakitangan.
- Menyiasat dan melaporkan insiden yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.
- Penambahbaikan berterusan untuk sistem keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.
- Bekerjasama dengan agensi kerajaan dan pihak berkaitan dalam meningkatkan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.
- Memastikan setiap individu bertanggungjawab bagi memastikan objektif ini tercapai.

Kami akan menerapkan budaya keselamatan, kesihatan dan alam sekitar ke seluruh organisasi ini yang menjadi penyumbang kepada kejayaan keseluruhan perkhidmatan kami.

Kami akan mengambil tindakan ke atas laporan berkenaan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar yang dilaporkan oleh kakitangan, pelanggan, kontraktor, pembekal dan orang awam tanpa sebarang diskriminasi daripada pihak pengurusan.

Untuk informasi dan janji temu:

 +603 2617 8844

 heart@ijn.com.my

 www.ijn.com.my

Profesor Dato' Sri Dr  
Mohamed Ezani Md Taib  
Ketua Pegawai Eksekutif